

# Batu Puteh

---

## Dokumen Terpilih



44909595  
BAT




ARKIB NEGARA MALAYSIA





Lib

# Batu Putih Dokumen Terpilih



PUSTAKA PERDANA



1013214

## **DITERBITKAN OLEH**

Cetakan Pertama 2012

**Arkib Negara Malaysia**

(National Archives of Malaysia)

Jalan Duta, 50568 Kuala Lumpur

Tel : 03-62090600 Faks : 03-62015679

Portal : [www.arkib.gov.my](http://www.arkib.gov.my)

## **© Hak Cipta Terpelihara Arkib Negara Malaysia**

Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dari isi kandungan buku ini dalam apa-apa jua cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia.

## **Rekabentuk dan dicetak oleh :**

OMR PRESS SDN BHD

No. 18 Jln Perindustrian USJ 1/12

Taman Perindustrian USJ 1,

47600 Subang Jaya, Selangor Darul Ehsan

Tel: 03-8024 6396 Faks: 03-8024 6936

[omrsdbhd@gmail.com](mailto:omrsdbhd@gmail.com)

341 44809595

# KANDUNGAN

Copyright © 2019 by Perdana Leadership Foundation. All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, stored in a retrieval system, or transmitted, in any form or by any means, electronic, mechanical, photocopying, recording, or otherwise, without the prior written permission of the publisher.

<b>Sepatah Kata</b>	<b>vi</b>
<b>Batu Puteh</b>	<b>1</b>
<b>Latar Belakang Isu/Kes</b>	<b>6</b>
<b>Kajian dan Pengesanan Bahan</b>	<b>9</b>
<b>Perbicaraan Kes</b>	<b>12</b>
<b>Pengadilan Kes</b>	<b>24</b>
<b>Persoalan Pengadilan</b>	<b>28</b>
<b>Satu Kehilangan dan Satu Kemenangan?</b>	<b>29</b>
<b>Rumusan</b>	<b>31</b>
<b>Dokumen-dokumen kes Batu Puteh di Arkib Negara</b>	<b>32</b>
<b>Dokumen Terpilih Mengenai Kes</b>	<b>35</b>



Batu Puteh sebelum pembinaan Rumah Api Horsburgh.  
Lukisan oleh Kapten Thomas Robertson, 1882.



## Catatan

Buku ini mempamerkan sebahagian koleksi rekod yang terpilih mengenai kes Batu Puteh sebagaimana terkandung dalam memorial-memorial yang diterbitkan oleh kerajaan Malaysia. Memorial ini telah dibuka untuk rujukan umum selepas selesai kes dibicarakan di Mahkamah Keadilan Antarabangsa. Penulisan mengenai kes ini dibuat bagi memberikan sedikit latar belakang dan pemahaman asas mengenai kes kepada umum. Dengan demikian, membolehkan pengguna melihat, mengkaji dan menilai bahan-bahan yang dipaparkan dari segi konteks dan kandungan. Bahasa dan gaya penulisan telah diolah dengan menggunakan bahasa yang mudah untuk difahami semua.

# SEPATAH KATA

***'Kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya'*** – begitulah hasrat menyelitkan maksud dalam usaha Arkib Negara Malaysia untuk menyebar luaskan segala maklumat mengenai bahan yang disimpan sebagai khazanah warisan negara yang bernilai. Segala nilai ini tidak akan terserlah selagi warisan ini hanya disimpan di dalam gedung tanpa dirujuk, dibaca atau dikaji. Permata pun jika tidak digilap, tiada serinya.

Dalam menggerakkan usaha ini, penerbitan sentiasa menjadi wadah untuk Arkib Negara menguar-uarkan koleksi dalam simpanannya untuk tatapan, rujukan dan kajian kepada masyarakat umum, para pengkaji dan juga sarjana-sarjana sejarah. Dari apa yang diharapkan, khazanah warisan ini akan menjana pengetahuan, pemahaman mendalam serta penghayatan yang boleh menjadi teras untuk melahirkan semangat cintakan negara dalam kalangan rakyat di negara ini.

Arkib Negara dalam mencapai visi untuk menjadi Pusat Arkib dan Penyelidikan Negara yang unggul, giat berusaha mengesan dan mengumpul sumber-sumber dan bahan untuk rujukan dan kajian terutama bahan-bahan berkaitan fakta sejarah dan isu-isu persempadanan negara. Rekod dan bahan arkib yang penting dan bernilai boleh dijadikan bahan bukti untuk membantu negara mempertahankan hak dan kedaulatan wilayahnya.

Penglibatan Arkib Negara dalam usaha pengesanan rekod-rekod mengenai persempadanan negara, telah memberi peluang kepada pegawai-pegawai jabatan ini menganggotai delegasi negara ke perbicaraan-perbicaraan kes di Mahkamah Keadilan Antarabangsa seperti kes Pulau Sipadan dan Pulau Ligitan serta kes Batu Puteh. Dengan itu, beberapa dokumen berkaitan kes sebelum dan semasa sesi perbicaraan tersebut turut diperolehi oleh Arkib Negara untuk simpanan dan kegunaan rujukan serta kajian oleh penyelidik dan mereka yang berminat dalam hal-hal persempadanan negara.

Penerbitan buku "Batu Puteh: Koleksi Terpilih" merupakan terbitan terbaru jabatan ini yang dihasilkan untuk tujuan menguar-uarkan koleksi bahan mengenai kes Batu Puteh. Kes Batu Puteh pernah menjadi isu hangat apabila negara hilang kedaulatannya ke atas batuan tersebut kepada Singapura, sebuah negara dari kronologi sejarahnya, pernah membentuk sebahagian dari Semenanjung Tanah Melayu.



Saya berharap penerbitan ini dapat memberi pendedahan, pengetahuan dan pemahaman terhadap beberapa perspektif yang melibatkan hal persempadanan negara terutama dalam mengenali bentuk dan jenis rekod serta skop dan konteks kandungan rekod yang mempunyai nilai sebagai bahan bukti untuk mempertahankan hak kedaulatan dan wilayah negara. Justeru itu juga, ia diharap akan dapat menanamkan kesedaran kepada kita betapa pentingnya menyimpan rekod-rekod yang bernilai seumpama ini demi negara dan generasi masa depan.

Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan terima kasih dan tahniah kepada pegawai-pegawai Seksyen Penyelidikan Khas Negara terutama kepada Puan Wan Zainon binti Wan Awang dan Encik Usdi bin Abdullah atas usaha menerbitkan buku ini. Terima kasih juga kepada Puan Samariah binti Md. Ali yang membantu menyelaras penerbitan buku ini. Semoga penerbitan ini akan dapat dimanfaatkan oleh kita semua.

**HAJAH DARESAH ISMAIL**

Ketua Pengarah  
Arkib Negara Malaysia

# Singkatan

MM	-	Memorial Malaysia
CM	-	Counter Memorial Malaysia
MR	-	Malaysia Reply
MS	-	Memorial Singapore
CMS	-	Counter Memorial Singapore
SR	-	Singapore Reply

# BATU PUTEH




Lakaran Batu Puteh (Pedra Branca) oleh Thomas dan William Daniell sebelum Rumah Api Horsburgh dibina, 1820an.  
Sumber : Arkib Negara Malaysia (2001/46814)

**B**atu Puteh terletak kira-kira 7.7 batu nautikal dari Tanjung Penyusoh (Point Romania) di tenggara Semenanjung Malaysia dan 25.5 batu nautikal dari Singapura. Pelayar Portugis menamakan Batu Puteh sebagai Pedra Branca yang bermaksud 'white rock', manakala pelayar Cina, Cheng Ho menamakannya Pia Chiao atau 'white island'. Batuan yang berukuran 92,100 kaki persegi ini mencapai ketinggian kira-kira 449 kaki atau 7.3 meter dan lebar sekitar 200 kaki. Batu Puteh berada di kedudukan garisan  $1^{\circ} 19' 48''$  N dan  $104^{\circ} 24' 27''$  E di mana Selat Singapura bertemu dengan Laut China Selatan.

Batu Puteh yang terdiri dari batuan granit ini dikatakan berwarna putih hasil tompokan najis burung camar yang singgah di atas batuan yang berada di tengah-tengah lautan ini. Batuan asalnya dikatakan boleh mencapai ketinggian sehingga 8.2 meter dari aras air laut.

Berhampiran dengan Batu Puteh ini, terdapat dua buah lagi terumbu kecil yang dinamakan Batuan Tengah (*Middle Rocks*) dan Tubir (Kerang) Selatan (*South Ledge*). Batuan Tengah terdiri dari dua batuan kecil dengan jarak 820 kaki

di antara satu sama lain dan ia terletak kira-kira 0.6 batu nautikal ke selatan dari Batu Puteh. Manakala Tubir Selatan yang terdiri dari tiga batuan kecil terletak di barat daya Batu Puteh dengan jarak 2.2 batu nautikal.



Pelan Lokasi Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Selatan

Batu Puteh pada asalnya diberikan nama Pulau Batu Puteh, namun status 'pulau' ini telah digugurkan oleh Malaysia. Menurut Artikel XII, para 121 *United Nations Convention on the Law of the Sea* (UNCLOS), yang boleh dikategorikan sebagai 'pulau' adalah apabila suatu tempat itu mampu menjana ekonominya sendiri serta berupaya menampung kehidupan di atasnya. Batu Puteh jelas tidak memenuhi kriteria sebagai sebuah 'pulau' yang sebenar.


## Rumah Api Horsburgh

Di Batu Puteh ini juga, terbina sebuah rumah api yang dinamakan *Horsburgh Lighthouse*. Rumah api ini telah didirikan oleh Syarikat Hindia Timur Inggeris atau *British East India Company* (EIC) serta ditadbir oleh kerajaan Negeri-negeri Selat (*Straits Settlements*) yang menaungi Pulau Pinang, Melaka dan Singapura.

Bagi mengenang jasa James Horsburgh, seorang ahli haidrografi berbangsa Scottish yang banyak memetakan perairan-perairan di sekitar Singapura pada akhir abad ke-18 dan awal abad ke-19, sebuah tabung telah ditubuhkan pada tahun 1836 oleh saudagar-saudagar British di Canton, China. Sumbangan yang diterima oleh tabung ini kemudiannya ditawarkan kepada kerajaan Negeri-negeri Selat untuk dibina sebuah rumah api di pintu masuk ke Laut China Selatan. Rumah api ini akan dapat memberi pandu arah kepada pelayar-pelayar dan pedagang-pedagang yang melalui Selat Singapura kerana di perairan sekitar kawasan ini sering berlaku kemalangan kapal-kapal. Batu-batuan yang terdapat di tengah laluan perairan dan jumlah kapal-kapal melaluinya yang semakin meningkat telah menyumbang kepada peningkatan kadar kemalangan di kawasan perairan tersebut.


Walaupun rumah api ini telah dicadang dibina di Batu Puteh (Pedra Branca), namun beberapa lokasi lain juga diberi sebagai pilihan untuk didirikan rumah api tersebut seperti *Tree Island*, *Barn Island* dan *Peak Rock*. Selepas beberapa pandangan dikemuka dan kajian-kajian dilakukan, akhirnya pada 3 Oktober 1846, Syarikat Hindia Timur Inggeris memutuskan rumah api Horsburgh tersebut didirikan di atas Batu Puteh.

Pembinaan rumah api di Batu Puteh telah dimulakan pada tahun 1850. Ia siap dan dirasmikan pada April 1851. Sejak itu, rumah api yang diuruskan oleh kerajaan Negeri-negeri Selat ini menjadi pandu arah yang penting kepada pelayar-pelayar yang melalui sekitar kawasan perairan tersebut.



Rumah api Horsburgh yang baru selesai dibina di Batu Puteh.  
Lukisan oleh John Turnbull Thomson, 1851  
Sumber : Journal of the Indian Archipelago & Eastern Asia –  
Account of the Horsburgh Lighthouse, Vol. VI, Pt. 2, 1852


Dengan pemansuhan Straits Settlements pada tahun 1946, pengurusan rumah api Horsburgh diambil alih oleh Singapura daripada kerajaan Negeri-negeri Selat. Pelbagai pengubahsuaian dan penambahan berikutnya dilakukan ke atas Batu Puteh oleh Singapura termasuk mendirikan bangunan tambahan, menara telekomunikasi serta sebuah platform untuk pendaratan helikopter.



Batu Puteh kini

# LATAR BELAKANG ISU/KES

Isu mengenai status Batu Puteh mula dibangkitkan oleh kerajaan Singapura pada 14 Februari 1980 apabila Malaysia mengeluarkan peta barunya pada 21 Disember 1979 yang menunjukkan batas persempadanan pentas benua Malaysia. Singapura membantah kerana peta tersebut telah meletakkan Batu Puteh dalam kawasan perairan Malaysia.



Peta baru Malaysia (Sheet 1), 1979

Isu ini turut dibangkitkan dalam pertemuan kedua-dua Perdana Menteri Malaysia dan Singapura pada bulan Mei 1980 dan pada Disember 1981. Pihak kerajaan Malaysia telah menjelaskan kepada Singapura bahawa Batu Puteh adalah hakmilik kerajaan negeri Johor sejak '*time immemorial*'. Dalam pada itu, Singapura diberi peluang mengemukakan bukti bagi menyokong tuntutananya.

Kerajaan Malaysia yang memberikan perhatian serius terhadap isu ini telah menubuhkan sebuah jawatankuasa khas peringkat kebangsaan untuk menangani isu ini. Beberapa kajian dan penyelidikan telah mula dijalankan oleh pegawai-pegawai jabatan dan agensi kerajaan yang berkenaan termasuk pegawai Arkib Negara Malaysia di dalam dan di luar negara termasuk di Johor, India dan United Kingdom untuk mengesan dan mengumpul dokumen-dokumen berkaitan yang boleh dijadikan bahan bukti.

Pada tahun 1989, Pesuruhjaya Tinggi Singapura di Malaysia telah mencadangkan supaya diada satu pertukaran rasmi dokumen-dokumen berkaitan Batu Puteh di antara kedua negara. Beberapa perbincangan susulan juga telah diadakan. Dalam bulan Februari 1992, Singapura menyerahkan satu memorandum bertulis kepada Malaysia berkaitan tuntutan ke atas Batu Puteh.

Pada 20 Jun 1992, Malaysia menyerahkan memorandum balas dengan menyertakan sekali salinan-salinan dokumen bagi menyokong pendirian Malaysia berhubung haknya ke atas Batu Puteh. Pada ketika itu juga, timbul saranan supaya Malaysia mencadangkan satu bentuk '*package deal*' dengan pihak Singapura bagi memastikan kepentingan-kepentingan Malaysia tidak terjejas. Perkara yang diutarakan dalam pakej tersebut berkaitan dengan kawasan perairan, kawasan penangkapan ikan dan isu keselamatan negara.

Pada akhir tahun 1993, Singapura telah memasukkan ke dalam tuntutananya, dua terumbu kecil yang terletak berdekatan dengan Batu Puteh iaitu Batuan Tengah (*Middle Rocks*) dan Tubir Selatan (*South Ledge*). Dua tuntutan tambahan oleh Singapura ini dilihat sebagai menutup usaha untuk mencapai penyelesaian melalui rundingan dua hala.

Apabila rundingan-rundingan yang diadakan dalam tahun-tahun 1993 hingga 1994 gagal merintiskan jalan penyelesaian, Singapura pada tahun 1994, telah mencadangkan supaya isu tersebut dibawa ke pengadilan Mahkamah Keadilan Antarabangsa atau *International Court of Justice* (ICJ). Malaysia bersetuju menerima cadangan untuk merujuk isu ini kepada pihak ketiga tersebut bagi mencari penyelesaian secara aman, telus dan boleh dihormati oleh kedua-dua pihak.

Perundingan seterusnya diadakan oleh kedua-dua pihak untuk memeteraikan satu persetujuan khas (*Special Agreement*) untuk menyerahkan kes tersebut kepada ICJ untuk dibicara dan diputuskan. Pada tahun 1998, teks persetujuan untuk membawa kes Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Selatan ke pengadilan Mahkamah tersebut dimuktamadkan. Pada 6 Februari 2003, persetujuan tersebut ditandatangani oleh wakil kedua-dua kerajaan serta dikemukakan kepada Mahkamah pada Julai 2003.




## KAJIAN DAN PENGESANAN BAHAN

Bermula tahun 1981 lagi, beberapa kajian dan penyelidikan di dalam dan di luar negara telah dijalankan oleh beberapa pihak dan agensi yang terlibat. Kementerian Luar Negeri bertindak sebagai urusetia. Pengesanan bahan dibuat bukan sahaja di Arkib Negara Malaysia, Arkib-arkib Cawangan Negeri dan jabatan-jabatan kerajaan malah di beberapa buah institusi penyimpan rekod di luar negara seperti United Kingdom, India, Netherlands dan termasuk juga Australia dan New Zealand.


Kajian yang dijalankan oleh pegawai-pegawai dari pelbagai jabatan dan agensi yang terlibat termasuk Arkib Negara Malaysia melibatkan pengesanan bahan atau dokumen dalam segala bentuk yang boleh membantu menguatkan tuntutan Malaysia. Rekod dan bahan-bahan yang dikaji termasuk segala surat menyurat, 'despatches', manuskrip lama, fail, peta dan pelan, laporan pelbagai, minit mesyuarat, terbitan dan jurnal, catatan-catatan pengembara, 'survey sheets', penyiasatan kajibumi, warta kerajaan, kertas kabinet, prosiding, perjanjian/persetujuan, kertas-kertas parlimen, manuskrip, surat-surat persendirian sama ada tokoh tempatan atau pentadbir barat serta juga koleksi mikrofilem, akhbar dan sebagainya.

Di samping mengesan dan mengkaji rekod, bahan atau dokumen di institusi-institusi penyimpan rekod dan pejabat-pejabat kerajaan, kajian lapangan turut dilakukan untuk mengesan bahan atau dokumen yang mungkin terdapat dalam simpanan individu seperti di istana, rumah asal yang telah dijadikan muzium, perpustakaan dan juga rumah-rumah individu. Banyak rekod berkaitan dengan kes ini telah diperolehi dan dikemukakan kepada Kementerian Luar Negeri, Jabatan Peguam Negara dan juga ahli-ahli panel perundangan antarabangsa yang dilantik oleh kerajaan.


Dari tahun 2004 hingga 2005, tiga bentuk memorandum bertulis dikeluarkan secara berperingkat bermula dengan *Memorial*, seterusnya *Counter Memorial* dan diikuti dengan *Reply*. Memorandum berjilid ini mengemukakan segala bahan atau dokumen yang menjadi asas bukti beserta hujahan dan jawapan balas yang disediakan oleh kerajaan Malaysia. Tiga dokumen yang serupa juga dikeluarkan oleh kerajaan Singapura. Ketiga-tiga memorandum bertulis tersebut dikemukakan oleh masing-masing pihak kepada Mahkamah Keadilan Antarabangsa untuk ditimbangtara.




Memorial Malaysia (Vol.1 – Vol. 4)




Counter Memorial Malaysia (Vol.1 – Vol.3)




Reply Malaysia (Vol.1 – Vol.2)



Memorial Singapore (Vol. 1 – Vol. 4)




Reply Singapore (Vol.1 – Vol.3)




Counter Memorial Singapore (Vol.1 – Vol.7)

## PERBICARAAN KES



Mahkamah Keadilan Antarabangsa di The Hague, Netherlands

Setelah hampir 30 tahun isu ini berlarutan, kes Batu Puteh akhirnya dibicarakan di International Court of Justice di The Hague, Netherlands pada 6 hingga 23 November 2007. Perbicaraan dan pengadilan kes dibuat di hadapan 16 orang hakim tetap ICJ dengan dipengerusikan oleh Naib Presiden ICJ, Hakim Awn Shawkat Al-Khasawneh dari Jordan.



Barisan hakim dalam bilik perbicaraan di Mahkamah Keadilan Antarabangsa

Kerajaan Malaysia diwakili oleh sepasukan ahli panel perundanganantarabangsa iaitu Datuk Sir Elihu Lauterpacht, Datuk Prof. James Crawford, Datuk Prof. Nicolaas Jan Schrijver, Marcelo G. Kohen dan Penelope Neville. Wakil Malaysia yang turut menyertai panel perundangan negara membentangkan hujah termasuk Peguam Negara, Tan Sri Abdul Gani Patail, Tan Sri Abdul Kadir Mohamad, Penasihat Perdana Menteri dalam hal ehwal luar serta Dato' Noor Farida Ariffin, Duta Besar Malaysia ke Netherlands. Pasukan negara turut diwakili dan disertai oleh pegawai-pegawai Kementerian Luar Negeri, Jabatan Peguam Negara, Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia, Arkib Negara Malaysia, Jabatan Laut Malaysia, Tentera Laut Diraja Malaysia dan Polis Diraja Malaysia serta pakar-pakar runding dari Universiti Sains Malaysia dan Universiti Kebangsaan Malaysia. Pasukan ini juga dihadiri pegawai-pegawai Setiausaha Kerajaan Negeri Johor serta beberapa wakil pemberita tempatan.



Antara pegawai-pegawai, perwakilan dan pemberita yang menyertai delegasi negara bergambar dalam sesi lawatan ke Mahkamah Keadilan Antarabangsa di The Hague, Netherlands, 5 November 2007


Pusingan pertama hujah lisan dimulakan oleh Singapura iaitu dari 6 hingga 9 November 2007 dan hujahan lisan oleh Malaysia pula bermula dari 13 hingga 16 November 2007. Dalam pusingan kedua sesi hujahan balas yang bermula pada 19 hingga 20 November 2007, Singapura menjawab hujahan Malaysia. Ini diikuti hujahan balas oleh Malaysia pada 22 hingga 23 November 2007. Laporan verbatim perbicaraan kes ini boleh dilihat menerusi laman web <http://www.icj-cij.org>.



Antara peserta delegasi Malaysia yang menghadiri perbicaraan kes di Mahkamah Keadilan Antarabangsa di The Hague, Netherlands, 6 - 23 November 2007.



Datuk Prof. James Crawford, ketua panel perundangan antarabangsa Malaysia ketika membentangkan hujah beliau. Perwakilan Malaysia ditempatkan di sebelah kiri gambar manakala perwakilan Singapura ditempatkan di sebelah kanan.




Naib Presiden ICJ, Hakim Awn Shawkat Al Khasawneh dari Jordan mengetuai barisan hakim dalam pendengaran kes Batu Puteh.

## Rekod Yang Dijadikan Bahan Bukti

Singapura dalam tuntutanannya ke atas Batu Puteh telah mengambil pendirian bahawa Batu Puteh adalah *terra-nullius*, satu perkataan Latin yang bermaksud tanah yang tidak dimiliki sesiapa. Singapura juga mendakwa bahawa tiada dokumen yang boleh membuktikan Batu Puteh hakmilik Sultan Johor. Singapura juga mendakwa bahawa Johor tidak pernah menunjukkan penguasaannya ke atas Batu Puteh sejak tahun 1512 hingga 1824.

Malaysia dalam pendiriannya menegaskan bahawa Batu Puteh bukan *terra nullius*. Sebaliknya, Batu Puteh sejak tahun 1513 adalah sebahagian dari empayar Kesultanan Johor Riau Lingga yang ditubuhkan oleh Sultan Mahmud yang lari meninggalkan Melaka semasa Melaka ditawan oleh Portugis pada tahun 1511. Bagi Malaysia, walaupun Singapura membina dan menguruskan rumah api di atas Batu Puteh, ia tidak bermakna Singapura mempunyai pemilikan dan kedaulatan ke atas batuan tersebut.



Kesultanan Johor ditubuhkan pada tahun 1512 oleh Sultan Mahmud selepas Melaka ditawan Portugis pada tahun 1511. Pelan menunjukkan keluasan empayar Kesultanan Johor sebelum Perjanjian Inggeris—Belanda 1824 merangkumi kepulauan Riau-Lingga, Pulau Anambas dan Natuna serta Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Selatan.



**ARKIB NEGARA MALAYSIA**

[www.arkib.gov.my](http://www.arkib.gov.my)

ISBN 978-967-912-162-9



9 789679 121629